

Perbezaan Sosialisasi Gender dalam Ruang Lingkup Budaya

The Difference of Gender Socialization in the Cultural

Nur Azwani Mansor@Noodin

Department of Islamic Studies, Sultan Ismail Perta International Islamic College,
15730, Malaysia, e-mail: azwani79@yahoo.com.

ABSTRAK

Sistem kepercayaan terhadap gender adalah tidak sama bagi setiap budaya dan kelompok masyarakat. Ini adalah kerana gender dibina berdasarkan kepercayaan, adat, budaya, nilai, norma dan agama. Oleh yang demikian peranan dan ciri-ciri gender bagi setiap kelompok masyarakat menjadi berbeza. Gender terbentuk melalui konstruk sosial, ekonomi, politik dan budaya, ianya juga telah menentukan peranan dan ciri kelelakian atau keperempuanan yang perlu ada pada setiap individu yang tinggal bersama dalam kelompok masyarakat. Gender boleh berubah mengikut masa, berbeza-beza dan boleh merentas budaya. Dengan definisi dan proses sosialisasi yang diamalkan dalam sesebuah masyarakat, maka gender menjadikan sifat dan peranan kejantinaan itu berbeza bagi setiap individu. Maka perbezaan itu menjadi pelengkap dalam mengharmoni dan menyeimbangkan tugas serta tanggungjawab masing-masing dalam pembentukan keluarga, masyarakat dan negara. Justeru, kajian kualitatif ini bertujuan membincangkan proses sosialisasi gender yang berperanan merealisasikan persepsi gender menurut masyarakat. Metode analisis kandungan dengan menggunakan kaedah sintesis induktif deduktif digunakan dalam meneliti proses sosialisasi gender untuk menjadi seorang lelaki atau perempuan berdasarkan persepsi tertentu yang telah ditetapkan oleh budaya, masyarakat dan jantina asal manusia. Artikel ini membincangkan beberapa subtopik seperti pengenalan beberapa istilah berkaitan seperti seks, jantina dan gender, konsep gender dan sosialisasi gender, perspektif masyarakat Melayu tradisional dan pelbagai masyarakat lain serta budaya tentang sosialisasi gender.

Kata Kunci: Gender; Sosialisasi; Budaya; Masyarakat.

ABSTRACT

The belief system of gender is not the same for every culture and group of people. This is because gender is built on beliefs, customs, cultures, values, norms and religions. Thus the roles and gender characteristics of each group of society become different. Gender is formed through social, economic, political and cultural constructs, it has also determined the role and characteristics of masculinity or femininity that exist in every individual that living together in a group of society. Gender can change over time, vary and can cross cultures. With the definition and process of socialization practiced in a society, then gender makes the nature and role of gender is different for each individual. That difference is complementary in

harmonizing and balancing the duties and responsibilities of each in the formation of family, community and country. Thus, this qualitative study aims to discuss the process of gender socialization which plays a role in realizing gender perception according to society. By using synthesis which is inductive deduktif method, the author analyze the content in examining the process of gender socialization based on certain perceptions that have been determined by the culture, society and nature of human origin. This article discusses several subtopics such as the related terms like sex and gender, gender concepts and gender socialization, Malay traditional community perspective as well as a variety of other society and culture on gender socialization

Keywords: Gender; Socialization; Culture; Society.

1. Pengenalan

Isu gender sentiasa wujud dalam setiap masyarakat ekoran perubahan sosio-budaya dan perkembangan peradaban. Perubahan ini telah menyebabkan berlakunya perubahan bentuk, posisi dan peranan di antara lelaki dan perempuan yang didasari dari pembentukan sistem sosial. Sistem sosial masyarakat pula adalah berkait rapat dengan sosialisasi yang mana ia merupakan suatu proses bagaimana memperkenalkan sistem-sistem tertentu seperti nilai dan budaya kepada seseorang individu dalam sesebuah masyarakat. Sistem sosial ini memberi pengaruh, pengalaman, menentukan tanggapan, dan berinteraksi dengan perilaku. Oleh yang demikian, manusia menjadi masyarakat yang berbudaya yang menjalankan fungsi dan peranan gendernya dengan tepat sebagai anggota masyarakat dalam kelompoknya. Selari dengan pandangan Stokhard dan Johnson (1992) yang mendakwa bahawa persepsi masyarakat dan proses sosial yang membentuk gender ahli-ahli masyarakat supaya sesuai dengan budaya dan norma yang dipraktikkan.

Manusia belajar mengenai gender melalui proses sosialisasi. Kebiasaannya proses ini bermula sebelum dilahirkan lagi dengan pemilihan nama-nama bergender berdasarkan jantina janin, menghias bilik bayi, memilih mainan dan pakaian dalam cara berkod warna dan gender yang mencerminkan jangkaan budaya dan stereotaip. Kemudian, sejak peringkat awal lagi setiap individu bergaul dengan keluarga, pendidik, pemimpin agama, rakan sebaya, dan masyarakat yang mengajar apa yang diharapkan dari segi penampilan dan tingkah laku dengan memberi kod sebagai lelaki atau gadis. Media dan budaya juga memainkan peranan penting dalam mengajar gender. Oleh yang demikian terhasilah sosialisasi gender yang berdasarkan dari pembentukan identiti jantina. Identiti jantina mempengaruhi bagaimana kita berpakaian dan menampilkan diri, dan apa

yang kita mahu badan kita untuk kelihatan seperti mengikut standard “normatif” (Cole, 2019).

Sehubungan dengan itu, wujudnya kelainan sosialisasi gender dalam sesebuah masyarakat dan budaya disebabkan ekspektasi konsep gender yang berbeza. Pengaruh budaya dalam menentukan sesuatu peranan dan perilaku seseorang individu dibentuk melalui pengalaman sejak bayi lagi dan juga interaksi-interaksi yang berlaku dalam institusi kekeluargaan, pendidikan, dan lain-lain yang tidak dapat dielakkan. Ketetapan sesuatu peranan gender yang dipertanggungjawabkan kepada setiap individu menjadi suatu garis panduan kepada semua ahli masyarakat. Garis panduan tersebut menjadi salah satu proses sosialisasi perlu diikuti dan dipatuhi oleh setiap anggota dalam masyarakat supaya memenuhi ekspektasi budaya, nilai dan norma. Walaubagaimanapun sosialisasi tersebut perlu sejarah dengan seks dan jantina seseorang supaya tidak berlaku penyelewengan gender atau keceluaran gender.

2. Metodologi Kajian

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan metode perpustakaan dengan merujuk artikel jurnal, tesis, buku, prosiding, akhbar dan seumpamanya. Pengumpulan data tersebut tertumpu kepada perbincangan tentang istilah seks, jantina dan gender, konsep gender dan sosialisasi gender, perspektif masyarakat Melayu tradisional dan pelbagai masyarakat lain serta budaya tentang sosialisasi gender.

Sehubungan dengan itu, kajian kualitatif ini membincangkan secara tuntas proses sosialisasi gender yang berperanan merealisasikan persepsi gender menurut masyarakat. Metode analisis kandungan dilaksanakan menggunakan kaedah sintesis induktif dan deduktif dalam meneliti proses sosialisasi gender untuk menjadi seorang lelaki atau perempuan. Keperihalan tersebut digarap berdasarkan persepsi tertentu yang telah ditetapkan oleh budaya, masyarakat dan jantina asal manusia.

3. Pengenalan Istilah Seks, Jantina dan Gender

Istilah seks, jantina dan gender adalah tiga istilah yang lazim kita anggap sama, iaitu membawa maksud jenis kelamin manusia yang membezakan sifat perempuan dan lelaki di mana sifatnya mutlak dan harus diterima sebagaimana sepatutnya. Sebenarnya definisi istilah gender dan seks adalah dua kosa kata yang membawa maksud yang berbeza tetapi disinonimkan dengan jantina yang menyebabkan kekeliruan.

Perkataan seks adalah kata serapan dari Bahasa Inggeris “sex” yang diterjemahkan sebagai jenis kelamin untuk menunjukkan pembahagian dan perbezaan jenis manusia secara biologi dan sifat iaitu

lelaki dan perempuan. (Siti Muslikhati, 2004). Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengemukakan definisi yang jelas untuk membezakan antara seks dan jantina. Seks merujuk kepada biologi atau genetik sama ada lelaki atau perempuan. Jantina pula ialah perkataan teknikal merujuk kepada psikologi atau ciri-ciri tingkah laku berkaitan dengan lelaki atau perempuan. Identiti jantina pula ialah menerangkan kepercayaan atau perasaan seseorang menurut organ seks yang di ciptakan, kebolehan membezakan antara lelaki dan perempuan serta mengenal pasti status jantina sama ada lelaki atau perempuan. Peranan jantina pula ialah merujuk kepada penerimaan tingkah laku, sikap dan personaliti yang diwarisi untuk membezakan sifat lelaki dan perempuan (Hatta bin Saidi, 2013).

Secara umumnya, terdapat tiga perbezaan utama antara lelaki dan perempuan iaitu dari aspek organ seks, fungsi reproduktif dan kekuatan fizikal (Jariah Mohd Jan, 2003). Perbezaan dari sudut gender pula ialah fungsi peranan sosial yang dikonstruksi atau dibentuk oleh masyarakat yang seterusnya menentukan peranan dan tanggungjawab lelaki dan perempuan. Oleh yang demikian gender dilihat sebagai istilah yang lebih luas, kompleks dan menyeluruh (David Graddol & Joan Swann, 1989).

4. Konsep Gender dan Sosialisasi Gender

Istilah gender adalah berasal dari bahasa Latin *gener* yang bermaksud *race* atau *kind*. Bahasa Perancis mengambil perkataan ini dari bahasa Latin dan menggunakan perkataan *gendre genre* yang membawa maksud *kind*, *genus* dan *style* (Elizabeth Anne Castelli & Rosamond C. Rodman, 2001). Istilah ini diperkenalkan oleh Robert Stoller pada tahun 1968 dan kemudian dikembangkan oleh Ann Oakley pada tahun 1972 (Riant Nugroho, 2005). Kemudian istilah gender ini digunakan dalam bahasa Inggeris terutama dalam bidang psikoanalisis yang membawa maksud jenis kelamin atau jantina (Skeat, 1993). Pada tahun 2005, perkataan gender dibawa masuk dalam daftar leksikon oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Secara literalnya gender dalam Bahasa Melayu membawa maksud jantina ataupun klasifikasi seksual (Noresah, 2005).

Nasaruddin Umar (1999) memberi definisi gender berdasarkan beberapa aspek dan ciri perbezaan yang terdapat pada lelaki dan perempuan iaitu tingkah laku, nilai, emosi, mental, peranan dan perilaku berdasarkan konsep budaya. Gender juga adalah harapan budaya dan penentuan masyarakat terhadap lelaki dan perempuan. Ia juga menjadi suatu dasar dalam menentukan perbezaan sumbangan lelaki dan perempuan dalam kehidupan bermasyarakat. Oleh yang demikian gender adalah perilaku, peranan, ciri dan tanggungjawab yang dipelajari bagi memenuhi persepsi masyarakat dalam berjantina. Maka proses sosialisasi gender berlaku dalam setiap budaya dan masyarakat.

Sosialisasi gender ialah suatu proses setiap individu dalam masyarakat, berkembang, membangun dan belajar tentang gender melalui penyerapan norma dan peranan gender. Proses ini berlaku apabila individu tersebut berinteraksi dengan agen utama sosialisasi seperti keluarga, jaringan sosial dan institusi lain (Neetu A. John, Kirsten Stoebenau, Samantha Ritter, Jeffrey Edmeades & Nikola Balvin, 2017). Ianya adalah proses pembelajaran seseorang individu mengenal dan menghayati peranan gender serta bertingkah laku mengikut jantina yang sepatutnya dalam kehidupan keluarga dan masyarakat. Menurut Ryle (2011) pula, ianya adalah satu terma baru yang menerangkan berkaitan pembelajaran sosial khususnya kepada gender dan menggabungkan kefahaman dua atau lebih berkaitan pembina yang biasa iaitu norma gender dan identiti gender.

Dalam terma yang lebih ringkas, norma gender ialah set peraturan yang bersesuaian dengan tingkah laku maskulin dan feminin dalam sesuatu budaya (Ryle, 2011), dan identiti gender ialah cara individu berfikir sama ada mereka lelaki atau wanita (American Psychological Association, 2011). Sosialisasi gender boleh dilihat sebagai proses multi dimensi yang berlaku sepanjang masa dan ketika dimana individu belajar norma gender dan peraturan dalam masyarakat mereka, kemudiannya membangunkan identiti dalaman berdasarkan gender yang dipelajari.

5. Perspektif Masyarakat Melayu Tradisional Tentang Sosialisasi Gender

Masyarakat Melayu khususnya masyarakat tradisional telah menetapkan kod gender yang tersendiri supaya selaras dengan kehendak adat, budaya dan agama. Ianya perlu dipatuhi oleh kelompok masyarakat dan tidak boleh menyeleweng daripada kod tersebut. Sekiranya berlaku sebarang pelanggaran kod, maka akan menyebabkan dipandang serong atau dipinggirkan oleh masyarakat. Perhubungan gender dalam masyarakat tradisional ini telah diteliti oleh pengkaji-pengkaji terdahulu melalui karya-karya kesusastraan Melayu khususnya dalam karya histiografi (Shuhadan Anwar & Salmah Jan Noor Muhammad, 2016).

Dalam masyarakat Melayu tradisional, adatnya lelaki digambarkan dengan sifat berani dan gagah manakala perempuan pula digambarkan mempunyai sifat lemah lembut, penyayang, cantik, suka berhias, berseraf kepada lelaki, sopan santun dan bertimbang rasa. Ini dibuktikan oleh Muhammad Haji Saleh (1997), dalam sejarah Melayu, (*Sulalat al-Salatin*) dan di sokong oleh Kassim Ahmad (1997) dalam Hikayat Hang Tuah yang mana pengarangnya menggambarkan bahawa perilaku dan sifat ikon lelaki dalam masyarakat Melayu seperti Hang Tuah dan puteri-puteri dalam masyarakat terdahulu yang digambarkan mempunyai sifat kewanitaan yang sangat menyerlah.

Secara tidak langsung, masyarakat Melayu tradisional telah menetapkan ciri-ciri gender seperti ciri kelelakian dan ciri kewanitaan yang perlu ada pada setiap individu dalam masyarakat. Namun ciri-ciri yang telah ditetapkan tersebut adalah berdasarkan fitrah kejadian manusia yang dilahirkan berbeza dari sudut biologi dan fizikal. Perbezaan tersebut sekaligus memperlihatkan tentang perbezaan peranan antara lelaki dan perempuan. Manakala perbezaan peranan pula adalah berasaskan prinsip keadilan atau kesamarataan antara lelaki dan perempuan (Noraisah Yusop, 2012).

Mohd Anuar Ramli (2010), juga menyatakan bahawa prinsip tersebut yang diperlakukan dalam masyarakat Melayu adalah selari dengan ajaran Islam. Ini kerana dalam Islam pembahagian tanggungjawab dan tugasannya adalah selaras dengan perbezaan fisiologi lelaki dan perempuan demi menjamin status kemanusiaan. Dengan kata lain, perbezaan peranan mengikut gender adalah untuk meletakkan sesuatu sesuai pada tempatnya dan bukan merendahkan kedudukan jantina lain atau mendominasikan jantina lain.

Walau bagaimanapun, kadang-kadang peranan yang dimiliki disalahgunakan dan menyebabkan berlakunya ketidakadilan dalam perhubungan gender. Sebagai contoh, kaum lelaki mendapat kuasa penuh keatas perempuan lalu menyalahgunakan kuasa dan kelebihan ini menjadi tidak adil kepada perempuan (Rahimah Hamdan (2008). Hubungan gender yang sendeng atau berat sebelah inilah yang menjadikan wanita hanya berperanan di dapur, manakala lelaki diberikan peranan di luar rumah dan menjadi pengawal atau mempunyai kuasa dalam institusi masyarakat. Ini adalah peranan stereotaip yang dipegang dalam masyarakat Melayu tradisional (Shuhadan Anwar & Salmah Jan Noor Muhammad, 2016).

Peranan dan ciri-ciri gender yang ditentukan oleh masyarakat sebenarnya disosialisasikan sejak dari kanak-kanak lagi, perbezaan mengikut jantina. Kanak-kanak perempuan diberikan lebih penekanan dalam proses ini berbanding dengan kanak-kanak lelaki. Mereka dijaga dengan lebih ketat dan diawasi dengan pelbagai pantang larang yang bertujuan untuk menghalang kaum perempuan daripada melewati batasan dan ruang yang telah ditetapkan oleh masyarakat (Mohd Anuar Ramli, 2004).

Masyarakat Melayu sangat menjaga maruah keluarga, malah anak perempuan adalah lambang maruah keluarga yang perlu dijaga dan dididik mengikut norma masyarakat. Dalam hal ini, kanak-kanak perempuan ditekankan etika dan moral yang amat tegar dan tidak boleh bergerak bebas seperti kaum lelaki serta perlu sentiasa menjaga adat, tatasusila dan budi bahasa (Wan Abdul Kadir Yusoff, 1998). Sebagai contoh, pantang larang atau taboo dalam masyarakat Melayu seperti anak gadis tidak boleh duduk di muka pintu kerana dipercayai sukar untuk mendapat jodoh. Tetapi sebenarnya ianya bertujuan untuk menghalang anak gadis dari keluar dari

rumah atau ke ruang awam yang boleh di lihat oleh orang lain. Selain itu, ianya bertujuan untuk mengikat perempuan dengan peranan mereka di rumah khususnya di dapur (Harun Jaafar, 2006).

Stockhard dan Johnson (1992) menyatakan bahawa persepsi masyarakat dan proses sosial membentuk konstruksi sosial dan pernyataan ini disokong oleh Wan Abdul Kadir (1998), yang juga menyatakan bahawa dalam sistem pandangan tradisional wujud penilaian gender hasil daripada konstruk budaya yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian berlakulah jangakaan jurang perbezaan yang besar dari segi tingkah laku dan aktiviti atau kegiatan berlainan di antara lelaki dan perempuan.

Peranan dan tingkah laku tersebut adalah dibentuk dari kanak-kanak lagi hingga dewasa melalui interaksi-interaksi yang berlaku di rumah, tempat kerja, bersama rakan-rakan atau dalam sesebuah institusi yang mana tempat-tempat tersebut adalah tempat yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan seseorang dan ianya adalah pengaruh budaya yang berlaku dalam sesebuah masyarakat. Ketetapan peranan seseorang individu adalah daripada proses sosialisasi yang dilalui sejak dari peringkat bayi lagi (Mohd Anuar Ramli, 2004).

Kajian yang dijalankan oleh Ruzy Suliza Hasim (2006) tentang gender dan seksualiti dalam konteks dunia Melayu mendapati bahawa dalam masyarakat Melayu telah wujud sejak zaman dahulu lagi garis panduan secara formal dan tidak formal mengenai pelakuan dan ciri-ciri lelaki dan wanita. Ini adalah disebabkan masyarakat yang berpegang kuat kepada adat dan agama. Namun disebabkan oleh pengaruh kemodenan dan globalisasi dunia tanpa sempadan, masyarakat Melayu terheret dan terpengaruh juga dalam persepsi dan kemelut mengenai gender dan seksualiti terutama perubahan dalam kayu ukur sifat-sifat maskuliniti dan femininiti dalam masyarakat yang lebih longgar.

6. Perspektif Sosialisasi Gender Dalam Pelbagai Masyarakat dan Budaya

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pendidikan Kesihatan Keluarga/Seksualiti: Aspek Gender, Modul 3 (t.t) dan Ruzy Suliza Hashim (2006) peranan gender mengikut anatomi seks adalah ditentukan oleh budaya. Setiap budaya dalam sesebuah masyarakat adalah berbeza kerana apa yang diterima oleh suatu budaya seperti tingkah laku kewanitaan dan kelelakian tidak semestinya diterima dalam budaya masyarakat lain. Gender dan seksualiti juga dibentuk oleh adat dan agama. Agama dan budaya menjelaskan perlakuan-perlakuan, cara pemakaian yang menjadi penanda identiti gender dan juga adat yang perlu dilakukan.

Dalam setiap masyarakat sudah terdapat pembahagian tugas dan peranan. Sebagai contoh dalam masyarakat Hopi di Arizona, Amerika

Syarikat. Tugas lelaki adalah bekerja di ladang sementara kaum wanita membesarakan anak dan menjalankan tugas rumah tangga. Dalam masyarakat ini kanak-kanak jarang bergaduh dan tidak bersaing malah tiada tindakan dikenakan dan tidak pernah didenda secara fizikal sekiranya memusnahkan harta benda. Hopi membawa maksud “orang keamanan atau baik”. Masyarakat ini terbahagi mengikut suku kaum, nama dan keturunan yang mana ianya dirujuk kepada pihak ibu. Hanya di akui menjadi ahli keluarga tersebut apabila mempunyai hubungan persaudaraan dengan ibu. Walaupun begitu, bapa masih lagi dihormati dan disayangai. Mereka lebih gemar menghabiskan lebih banyak masa dengan anak dan adik beradik perempuan kerana masyarakat ini lebih menggemari anak perempuan. Suami isteri pula mempunyai tugas dan tanggungjawab terhadap suku kaum yang berlainan serta mempunyai kebebasan bergerak (Kementerian Pendidikan Malaysia, t.t).

Terdapat juga peranan gender yang tidak banyak perbezaan seperti Kaum Arapesh dari New Guinea yang tinggal kawasan pergunungan. Kaum lelaki dan perempuan bertanggungjawab menjaga semua benda hidup. Bapa juga berperanan menjaga dan membesarakan anak. Ibu bapa menerima dengan terbuka kelahiran anak tanpa mengira jantina dan mereka memberi layanan yang sama rata kepada anak lelaki dan perempuan. Tingkah laku agresif amatlah tidak digalakkan, terutamanya tingkah laku yang boleh merangsang sifat agresif pada diri orang lain. Manakala Kaum Mundugumor dari New Guinea lebih agresif dan ganas. Mereka merupakan pemburu kepala manusia. Setiap individu mengetahui keturunan melalui ibu bapa yang berlawanan jantina. Ibu membesarakan anak lelaki manakala bapa membesarakan anak perempuan. Namun kedua-duanya dibesarkan dengan cara yang sama iaitu berdikari, garang dan agresif. Malah anak-anak diajar untuk menentang ibu bapa yang sama jantina dengan mereka. Masyarakat ini tidak mahukan anak dan tidak gemar kepada kanak-kanak. Oleh itu kehamilan dan penyusuan adalah suatu yang dibenci dan dielakkan malah pembunuhan bayi diamalkan dalam budaya masyarakat Mundugumor (Kementerian Pendidikan Malaysia, t.t).

Rupa paras lelaki dan perempuan juga mempunyai persepsi yang berbeza dalam setiap budaya dan masyarakat. Contohnya orang Bali di Indonesia dipercayai mempunyai paras rupa yang bertentangan dengan persepsi Barat iaitu kaum lelaki kelihatan seperti perempuan dan kaum wanita Bali kelihatan seperti budak lelaki. Kaum lelaki dilihat mempunyai lengan dan kaki yang tidak berotot dan mempunyai buah dada yang besar. Manakala kaum wanita pula, mempunyai punggung dan buah dada yang kecil. 50 hingga 100 orang lelaki berkumpul untuk melakukan kerja berat yang biasanya dilakukan oleh beberapa orang lelaki sahaja dalam budaya masyarakat lain. Tetapi mereka dapat bekerja lama, namun dengan kadar

perlahan dan seolah-olah tidak pernah letih. Mereka gemar bermain dan menyanyi (Kementerian Pendidikan Malaysia, t.t).

Berbeza dengan masyarakat Islam di Pakistan dan Iraq dimana menurut Haideh Moghissi (1999), Abu Ala Mawdudi menentang idealisme Barat tentang hak asasi manusia dan menganggap perempuan wajib memelihara kehormatan dengan memakai purdah dan menjadi prinsip hak asasi manusia dalam Islam. Beliau mengarahkan perempuan harus melindungi diri mereka dengan memakai pakaian yang menutup seluruh tubuh dan melepaskan sebahagian kain untuk menutup muka. Hal ini dipersejuaui oleh Hakim Aftab Husin yang juga berpendapat bahawa pemakaian purdah iaitu menutup seluruh muka kecuali mata adalah untuk menjaga kesucian perempuan dan juga lelaki dengan mengelakkan mereka memandang dan menatap antara satu sama lain (Ruzy Suliza Hashim, 2006).

Masyarakat di Samoa pula percaya bahawa cara pemakaian sejenis kain panjang dapat membezakan gender. Cara memakai sejenis kain panjang ini yang dipanggil '*lavalava*' adalah berbeza mengikut gender tetapi corak kain adalah *genderless* iaitu sama antara lelaki dan perempuan. Kaum lelaki mengikat kain dengan meninggalkan sebahagian besar kain tergantung di bahagian hadapan, manakala kaum perempuan pula melipat kemas kain sarungnya tanpa meninggalkan lebihan kain tergantung. Pada masa dahulu, masyarakat di Lautan Pasifik ini mengawal ketat kesucian golongan perempuan, sehingga mereka mengamalkan istiadat memeriksa kemaluhan pengantin perempuan pada hari perkahwinan. Jika pengantin perempuan masih suci, maka darah akan tercalit di atas sehelai kain putih yang dihamparkan dan di pamerkan kepada orang ramai. Pada masa kini, istiadat ini telah diharamkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, t.t).

Dari aspek kepercayaan agama, masyarakat di India mempunyai sistem budaya kasta yang diamalkan secara turun temurun dengan membahagikan manusia mengikut darjah seperti Brahmin, Vaisya, Harijan, Kshetriya dan Sudra. Brahmin adalah kumpulan kasta yang tertinggi, Harijan pula adalah kumpulan kasta tan paling bawah dan sentiasa ditindas. Untuk mengekalkan kesucian kasta, wanita India tidak dibenarkan sama sekali berkahwin dengan lelaki dari kumpulan kasta yang lebih rendah daripadanya. Contohnya perempuan dari kasta Brahmin tidak boleh melakukan hubungan intim dengan lelaki dari kasta bawah kerana sekiranya perempuan tersebut hamil, maka proses pembersihan diri akan menjadi sukar. Kesucian kasta dan reputasi di pegang oleh kaum perempuan. Ini kerana, masyarakat percaya bahawa kelahiran zuriat adalah pembawa identiti dan penanda sempadan kepada kasta atau kumpulan mereka. Pencemaran kasta akan berlaku sekiranya bayi lahir hasil dari hubungan tersebut dan ianya menjadi saksi dan peringatan kepada masyarakat (Ruzy Suliza Hashim, 2006).

Bagi masyarakat di Mesir, Sudan, Somalia Kenya dan Uganda pula kaum perempuan perlu melalui poses berkhatan seperti kaum lelaki yang

dilakukan ke atas bayi yang baru lahir. Istilah khatan di Mesir dipanggil *tahara* dan di Sudan dipanggil *tahur*. Berkhatan dalam kalangan bayi perempuan di percaya dapat membendung masalah seks wanita sebelum kahwin, iaitu mengawal nafsu anak dara. Selain itu, bertujuan mengurangkan nafsu isteri, oleh itu suami dapat mengawal isteri supaya tidak menjalinkan hubungan dengan lelaki lain, menjamin kesetiaan isteri dan suami boleh mengamalkan poligami. Masyarakat di Samoa dan Fiji pula dibahagian timur sangat mementingkan status pengantin perempuan sebelum berkahwin. Sekiranya pengantin perempuan didapati tidak suci atau tidak ada dara, dia akan dikembalikan kepada keluarganya. Sebagai tanda tidak mahu terjadinya pertelingkahan antara kedua belah pihak, keluarga pengantin perempuan akan menghadiahkan seekor babi panggang yang telah dikera kepalanya dan bahagian dubur babi tersebut dimasukkan sebiji pisang. Pemberian tersebut adalah lambang bahawa pengantin perempuan seperti binatang hutan yang tidak mempunyai keseksualan yang suci (Ruzy Suliza Hashim, 2006).

Konsep gender dalam masyarakat Barat agak berbeza kerana telah mengalami revolusi seksual dimana seksualiti perempuan menjadi lebih bebas. Akibatnya perempuan Barat terpengaruh dengan konsep kecantikan dan terjerat dengan pelbagai teknologi moden untuk mencapai kecantikan yang ideal bagi pandangan mereka. Pelbagai usaha yang dilakukan untuk kelihatan cantik dan sempurna seperti pembedahan plastik. Walaubagaimanapun golongan perempuan Barat juga terperangkap dengan budaya patriarki iaitu sistem sosial yang didominasikan oleh golongan lelaki dalam sistem politik, hak sosial, kekeluargaan dan pembahagian harta. Namun kesetaraan gender dan peranan gender mengikut tradisi asal masih lagi diperlihara (Bordo, 1997).

Perbezaan sosialisasi gender dalam pelbagai masyarakat dan budaya melahirkan perbezaan dan jurang dalam persepsi konsep gender. Ianya membentuk variasi pembinaan dan sosialisasi gender dalam sistem sosial setiap masyarakat. Sekiranya sosialisasi gender yang telah ditetapkan oleh budaya, agama, norma dan nilai dalam masyarakat diikuti dan dipatuhi oleh setiap anggota, maka isu-isu gender seperti kesetaraan, ketidakadilan dan keceliaruan gender dapat dielakkan. Di samping itu, pembentukan gender akan menjadi selari dengan jantina dan perbezaan peranan antara lelaki dan perempuan akan mewujudkan keharmonian dalam sistem sosial keluarga, masyarakat dan negara.

7. Kesimpulan

Kepelbagaian etnik, agama, budaya dan adat dalam sesebuah masyarakat mewujudkan kepelbagaian sosialisasi gender yang mengarah kecenderungan manusia untuk memahami dan menghormati perbezaan dan kepelbagaian tersebut. Islam mengiktiraf perbezaan manusia kerana secara fitrahnya kejadian manusia ciptaan Allah dalam kelompok dan budaya yang berbeza. Seharusnya semua manusia menghormati dan menerima perbezaan dan kepelbagaian dalam pembentukan gender ini sebagai satu lumrah yang akan berlaku secara berterusan dan mengikut hukum alam. Gender dalam sosial budaya mengalami perubahan mengikut peredaran zaman dan perbezaan dalam setiap budaya dan adat. Namun perbezaan ini tidak menjadi suatu masalah selagi mana ianya tidak melahirkan ketidakadilan dan penindasan gender.

Rujukan

- American Psychological Association. (2011). *The Guidelines for Psychological Practice with Lesbian, Gay, and Bisexual Clients*. Retrieved from Adopted by the APA Council of Representatives: <https://www.apa.org/pi/lgbt/resources/sexuality-definitions.pdf>
- Bordo, S. (1997). *Material Girl: The Effacements of Postmodern Culture*, hlm. 335. New York: Routledge.
- Cole, N. L. (25 May , 2019). *Semua Mengenai Sosiologi Jantina* . Retrieved from WWW.GREELANE.COM:<https://www.greelane.com/ms/sains-teknikal-matematik/sains-sosial/sociology-of-gender>.
- David Graddol & Joan Swann. (1989). *Gender Voices*. Oxford : Blackwell.
- Elizabeth Anne Castelli & Rosamond C. Rodman. (2001). *Women, Gender, Religion: A Reader*, hlm. 51-52. New York: Palgrave Macmillan.
- Haideh Moghissi. (1999). *Feminism and Islamic Fundamentalism: The Limits of Postmodern Analysis*, hlm. 27. New York: Palgrave: Palgrave.
- Harun Jaafar. (2006). *Ikhtiar Kebudayaan dan Prosa Melayu Klasik* . Tanjung Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris .
- Hatta bin Saidi. (30 Januari, 2013). *Seks dan Kesihatan Mental* . Retrieved from MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia : www.myhealth.gov.my
- Jariah Mohd Jan. (2003). Code-switching for power wielding: Inter-gender discourse at the workplace . *Multilingua*, 22, 41 - 57.
- Kassim Ahmad. (1997). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (t.t). *Pendidikan Kesihatan Keluarga/Seksualiti: Aspek Gender, modul 3*. Pusat Penerangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Anuar Ramli. (2004). Konsep masyarakat melayu mengenai hubungan gender . *Jurnal Yadim* , 141 - 152.
- Mohd Anuar Ramli. (2010). Bias gender dalam masyarakat Muslim: Antara ajaran Islam dengan tradisi tempatan. *Jurnal Fiqh*, 7, 49 - 70.
- Muhammad Haji Salleh. (1997). *Sulalat al Salatin*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasaruddin Umar. (1999). *Argumen Kesetaraan Gender: Perspektif Al-Quran*, hlm. 173. Jakarta: Paramadina.

- Neetu A. John, Kirsten Stoebenau, Samantha Ritter, Jeffrey Edmeades & Nikola Balvin. (2017). *Gender Socialization during Adolescence in Low -and Middle Income Countries: Conceptualization, influences and outcomes*. Florence, Italy : Innocenti Discussion Paper 2017-01: UNICEF .
- Noraishah Yusop. (2012). Gender dalam Kerangka Islam. *Dewan Masyarakat*, 50 (1), pp. 34 - 36.
- Noresah, B. (2005). *Kamus Dewan ed. ke 4 (p.457)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimah Hamdan. (2008). Perhubungan gender dalam masyarakat tradisional: Menelusuri dua syair sastera hikayat. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Puisi Melayu Tradisional* (p. 8). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Riant Nugroho. (2005). *Gender dan Strategi Pengarus-Utamaannya di Indonesia*, hlm. 3. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Ruzy Suliza Hashim. (2006). Meniti duri dan ranjau: Pembikinan gender dan seksualiti dalam konteks dunia Melayu. *Sari* 24, 15-34.
- Ryle, R. (2011). *How Do We Learn Gender? In Questioning Gender*, hlm. 119. California : Sage Publication .
- Shuhadan Anwar & Salmah Jan Noor Muhammad. (2016). Perhubungan gender dalam masyarakat tradisional berdasarkan hikayat Patani. *Journal Business and Social Development*, vol. 4, no. 2, 25-47.
- Siti Muslikhati. (2004). *Feminisme dan Pemberdayaan Perempuan dalam Timbangan Islam*, hlm. 19 . Depok : Gema Insani Press.
- Skeat, W. W. (1993). *The Concise Dictionary of English Etymology* (p. 173). Hertfordshire, UK: Wordsworth Editions.
- Stockhard J., & Miriam M. Johnson. (1992). *Sex and Gender in Society*, hlm. 159. New Jersey : Prentice Hall .
- Stockhard J. & Miriam M. Johnson. (1992). *Sex and Gender in Society*, h. 10. New Jersey : Prentice Hall .
- Wan Abdul Kadir. (1998). Nilai dan World View Orang Melayu Tentang Gender. In Rokiah Talib & Shanti Thambiah, *Gender, Budaya dan Masyarakat* (pp. 2 - 13). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.